

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**OKTOBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini disediakan

Oleh

**AZRUL BIN KAMARUDDIN**

bertajuk

**CADANGAN MENAIKTARAF REKABENTUK DALAMAN KELAB GOLF KINTA JALAN CHANGKAT, 31000 BATU  
GAJAH, PERAK DARUL RIDZUAN.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_ En. Muhammad Suhaimi Bin Musa

Koordinator Laporan : \_\_\_\_\_ En. Muhammad Suhaimi Bin Musa

Koordinator Program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd.Rashid

## **ABSTRAK**

Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan rekabentuk baru bagi Kelab Golf Kinta yang berlokasi di Jalan Changkat, 31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Dengan terhasilnya reka bentuk yang baru ini adalah diharapkan bahawa ia dapat meningkat dan memperkembangkan lagi pemiagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam kedua-dua ruang luaran dan dalaman untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan juga nilai prestij kelab tersebut. Antara kajian-kajian yang dijalankan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Tujuan kajian-kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti dan menyelesaikan kelemahan yang ada. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses rekabentuk, dengan tujuan mendapatkan satu rekabentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat Kelab Golf Kinta sama ada dari segi fungsi dan nilai estetikanya.

<b>Abstrak</b>	i
<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Isi Kandungan</b>	iii
<b>Senarai Gambar</b>	vii
<b>Senarai Rajah</b>	ix

## **KANDUNGAN**

### **BAB 1 | PENGENALAN |**

1.1	PENGENALAN PROJEK	1
1.1.1	Definisi Rumah Kelab	2
1.2	METODOLOGI	3
1.2.1	Fasa Pertama	3
1.2.2	Fasa Kedua	5
1.2.3	Fasa Ketiga	7
1.3	MATLAMAT KAJIAN	9
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	10
1.5	ISU	11
1.6	KAEDAH KAJIAN	12
1.7	HALANGAN KAJIAN	13
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	13

### **BAB 2 | KLIEN |**

2.1	LATAR BELAKANG KLIEN	15
2.2	BUDAYA KORPORAT	17
2.3	CARTA ORGANISASI	19
2.4	MISI DAN VISI	20

### **BAB 3 | KAJIAN DAN ANALISA |**

3.1	ANALISA TAPAK	21
3.1.1	Pengenalan kepada Tapak	21
3.1.2	Pelan Kunci	22
3.1.3	Pelan Lokasi	23
3.1.4	Pelan Tapak	24
3.2	ANALISA TAPAK	25

3.3	PEMILIHAN TAPAK	26
3.4	KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI KAWASAN LOKASI	26
3.5	ALIRAN LALULINTAS KENDERAAN	29
3.6	KAJIAN BANGUNAN SEDIA ADA	29
3.7	JENIS KEMASAN YANG DIGUNAKAN	33
3.8	ORIENTASI MATAHARI DAN ARAH MATA ANGIN	42
3.9	RUMUSAN	43
<b>BAB 4   KAJIAN KES I</b>		
4.1	KAJIAN KES 1	44
4.1.1	Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah	44
4.1.2	Lokasi KGSAAS	47
4.1.3	Tarikan Tempatan Sekitar KGSAAS	48
4.1.4	Kemudahan Yang Disediakan	50
4.1.5	Golfers Terrace	56
<b>BAB 5   PROJEK I</b>		
5.1	PENGENALAN PROJEK	57
5.2	KEHENDAK KLIEN	58
5.3	KEPERLUAN RUANG	59
5.3.1	Pintu Masuk Utama Dan Ruang Menyambut Tetamu	59
5.3.2	Ruang Pejabat Pentadbiran	60
5.3.3	Ruang Pendaftaran	60
5.3.4	Ruang Keluarga Dan Kanak-Kanak	60
5.3.5	Ruang Istirehat	61
5.3.6	Kafe	61
5.3.7	Tandas Dan Bilik Salin	61
5.3.8	Surau	62
5.3.9	Bilik Mesyuarat Ahli Kelab	62
5.3.10	Dewan Serbaguna	62
5.3.11	Setor	62
5.4	SKOP KERJA	63
5.5	KERJA-KERJA LUARAN	64
5.6	KERJA-KERJA DALAMAN	64
5.7	RUMUSAN	65

## **BAB 1.0**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN PROJEK**

Sukan golf semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia sekarang. Sukan yang tidak asing lagi bagi penduduk setempat di merata Malaysia. Ia di anggap sukan berprestij atau mewah. Walaubagaimana pun ini tidak menghalang daripada orang ramai untuk menceburkan diri dalam sukan unik ini. Kelab golf adalah suatu tempat dimana terdapat sebuah kompleks yang menyediakan ruang tertentu bagi pengguna serta menyediakan padang golf untuk bermain golf. Kelab yang memerlukan ahli dan jawatan kuasa atau syarikat yang berwibawa untuk mengendalikan sebuah kelab. Terdapat banyak kelab golf yang terkemuka disekitar Malaysia yang terkenal dengan perkhidmatan yang bagus, seni bina moden, padang golf yang cantik dan pelbagai lagi.

Kelab golf juga merupakan satu bidang yang berdaya saing. Ini dapat dilihat dengan terdapat banyak kelab golf yang mempunyai keunikan dan cara yang tersendiri untuk memperkenalkan kelab kepada orang ramai. Secara langsung ia membuka peluang kepada pengusaha kelab untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dari pengalaman serta pengurusan yang dipelajari. Keadaan ini memberi peluang kepada pelanggan untuk mencuba dan memenuhi citarasa masing-masing. Bagi menarik lebih ramai ahli baru, para pengusaha akan cuba menonjolkan suasana yang berkaitan dengan tema dan konsep serta dipadankan dengan perkhidmatan yang sesuai.

Pelbagai jenis tema dapat dilihat dalam sesebuah kelab golf, contohnya sesetengah seni bina kelab golf dipengaruhi dengan faktor sejarah kawasan tapak kelab itu sendiri. Secara umumnya kelab golf dibina mengikut citarasa pihak klien.